

*Tarikh dibaca: 01 Jun 2018M / 16 Ramadhan 1439H*

# **KHUTBAH JUMAAT**

***Tajuk:***

***“KEAGUNGAN AL-QURAN DAN  
TANGGUNGJAWAB KITA”***

***\*\*\****

***Terbitan:***

***Unit Khutbah***

***Bahagian Pengurusan Masjid***

***JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



## SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR

1. **SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim** (Pengerusi)  
**Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
2. **Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar** (Ahli)  
**Mantan Timbalan Pengarah,  
Jabatan Agama Islam Selangor**
3. **Ketua Penolong Pengarah,** (Setiausaha)  
**Bahagian Pengurusan Masjid,  
Jabatan Agama Islam Selangor**
4. **SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir** (Ahli)  
**Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
5. **Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya** (Ahli)  
**Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
6. **Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid** (Ahli)  
**Pegawai Majlis Agama Islam Selangor**
7. **Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin** (Ahli)  
**Ketua Penolong Mufti (Fatwa),  
Jabatan Mufti Negeri Selangor**
8. **Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar** (Ahli)  
**Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
9. **Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran** (Ahli)  
**Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor**
10. **Tuan Haji Hamid Bin Md Isa** (Ahli)  
**Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor**
11. **Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah** (Ahli)  
**Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
12. **Hairol Azmi Bin Khairudin** (Urus Setia)  
**Penolong Pengarah (Unit Khutbah)  
Bahagian Pengurusan Masjid**



## “KEAGUNGAN AL-QURAN DAN TANGGUNGJAWAB KITA”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ  
هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ ...<sup>1</sup>  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ  
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،  
فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى  
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا  
اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ

### Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan kepada diri saya dan tuan-tuan agar bertaqwa kepada Allah dengan melaksanakan titah perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga kita tergolong dalam kalangan orang-orang yang dijamin selamat di dunia dan di akhirat.

Sempena keberadaan kita dalam bulan al-Quran yang mulia ini marilah kita menghayati khutbah yang bertajuk “**KEAGUNGAN AL QURAN DAN TANGGUNGJAWAB KITA**”.

<sup>1</sup> Al-Baqarah : 185



## Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Dalam membicarakan tajuk ini marilah kita meneliti keagungan al-Quran yang dinyatakan oleh Allah SWT di dalam al-Quran dan sebahagiannya dijelaskan oleh Nabi SAW di dalam hadisnya.

1. Al-Quran adalah sebagai bukti kebenaran dan petunjuk daripada Allah SWT. Perkara ini telah dinyatakan oleh Allah dalam surah al-Nisa' ayat 174 bahawa Allah SWT berfirman:

يَأَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمْ بُرْهَانٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكُمْ نُورًا  
مُّبِينًا

*"Wahai sekalian umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu bukti dari Tuhan kamu, dan Kami pula telah menurunkan kepada kamu (Al-Quran sebagai) Nur (cahaya) yang menerangi segala apa jua yang membawa kejayaan di dunia ini dan kebahagiaan yang kekal di akhirat kelak."*

2. Al-Quran sebagai petunjuk yang tidak diragukan. Ia adalah Kalam Allah yang Maha Agung. Perkara ini telah dinyatakan oleh Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 1 dan 2 bahawa Allah berfirman:

الْم ﴿١﴾ ذٰلِكَ الْكِتٰبُ لَا رَيْبَ فِيْهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِيْنَ ﴿٢﴾

*"Alif, Laam, Miim. Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa."*



Perkara ini juga dijelaskan oleh Nabi SAW sebagaimana diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Nabi SAW bersabda:

فَضْلُ الْقُرْآنِ عَلَى سَائِرِ الْكَلَامِ كَفَضْلِ الرَّحْمَنِ  
عَلَى سَائِرِ خَلْقِهِ

*"Kemuliaan al-Quran dibandingkan dengan kata-kata selain dari-Nya adalah seperti kelebihan Allah dari sekalian makhluk."*

*(Riwayat At-Tirmizi).*

3. Al-Quran kitab yang tinggi dan Kalam Allah yang berat lagi hebat. Perkara ini diterangkan oleh Allah dalam surah al-Hasyr ayat 21 di mana Allah berfirman:

لَوْ أَنْزَلْنَا هَذَا الْقُرْآنَ عَلَى جَبَلٍ لَرَأَيْتَهُ خَاشِعًا مُتَصَدِّعًا  
مِّنْ خَشْيَةِ اللَّهِ

*"Sekiranya Kami turunkan al-Quran ini ke atas sebuah gunung, nescaya engkau melihat gunung itu khusyuk serta pecah belah kerana takut kepada Allah."*

As-Syaikh Doktor Wahbah Az-Zuhaili dlm tafsir Al-Munir telah menjelaskan bahawa sekiranya Allah turunkan Al-Quran keatas gunung seperti manusia yang Allah berikan akal dapat berfikir dan membezakan antara hak dan batil maka gunung-ganang itu akan pecah kerana khusyuk dan takut kepada Allah. Dalam ayat lain Allah juga menggambarkan al-Quran itu sebagai kata-kata yang berat seperti fiman-Nya dalam surah Al-Mazzammil ayat 5:



## إِنَّا سَنُلْقِي عَلَيْكَ قَوْلًا ثَقِيلًا

*“ sesungguhnya kami akan turunkan kepada mu suatu perkataan yang berat”*

Menurut Ibnu Kathir “perkataan yang berat” dalam ayat tersebut bermaksud perintah yang mesti dipatuhi dan diamalkan atau ia juga bermaksud kata-kata yang berat kerana ia sebagai Kalamullah. Al-Imam Ahmad meriwayatkan sebuah hadis daripada Saidatina ‘Aisyah Radhiallahu Anha bahawa pada suatu masa ketika Rasulullah SAW menerima wahyu yang pada ketika itu Baginda berada di atas unta maka unta baginda itu serta merta terduduk ke atas bumi lantaran beratnya wahyu yang diterima.

4. Al-Quran kitab yang sangat unggul tiada tolok bandingnya. Justeru itu, Allah SWT mencabar manusia untuk mencipta seperti al-Quran walaupun seumpama surah yang paling pendek. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 23 bahawa Allah SWT berfirman:

وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّمَّنْ  
مِثْلِهِ ۚ وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِّنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ

*“Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (Al-Quran) kepada hamba Kami (Muhammad), maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding dengan Al-Quran itu, dan panggilah orang-orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar.*



Dalam ayat yang lain Allah mencabar seluruh makhluk jin dan manusia agar mendatangkan seperti al-Quran. Firman Allah dalam surah al-Isra' ayat 88:

قُلْ لِّئِنِ اجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَىٰ أَنْ يَأْتُوا بِمِثْلِ هَذَا الْقُرْآنِ لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا ﴿٨٨﴾

*"Katakanlah (Wahai Muhammad): "Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan al-Quran ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya, walaupun mereka bantu-membantu sesama sendiri."*

5. Al-Quran adalah kitab yang dijamin terpelihara sepanjang zaman, perkara ini telah dijelaskan Allah dalam surah al-Hijr ayat 9:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

*"Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya."*

Dalam ayat tersebut Allah telah menjamin akan menjaga Al Quran daripada diubah-ubah dan ditukar ganti tidak seperti yang telah berlaku ke atas kitab-kitab umat yang terdahulu. Kitab-kitab tersebut telah berlaku tokok tambah hingga sukar untuk menentukan keasliannya.

**Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Jika kita bertanya apakah yang sepatutnya kita lakukan terhadap al-Quran itu?. Apakah cukup kita menjadikan al-Quran sekadar perhiasan di



dinding-dinding rumah dan masjid atau surau? jawabannya: Sudah tentu tidak, kerana apabila kita telah memiliki dan meyakini keagungan Al-Quran maka yang paling utama sekali kita mestilah menyayangi kitab tersebut dengan minat yang tinggi untuk mempelajari bacaannya, mendalami isi kandungannya, mengamalkan segala titah perintah yang terkandung di dalamnya dan seterusnya menyebarkan ajarannya kepada orang lain terutama ahli keluarga kita yang di bawah tanggungjawab kita.

Sesungguhnya Rasulullah SAW menjanjikan pahala yang luar biasa dikurniakan Allah SWT bagi yang mempelajari al-Quran seperti dalam hadis baginda yang diriwayatkan daripada Abu Dzarr Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW berkata kepadanya:

يَا أَبَا ذَرٍّ، لَأَنْ تَعْدُو فَتَعَلَّمَ آيَةً مِنْ كِتَابِ اللَّهِ،  
خَيْرٌ لَكَ مِنْ أَنْ تُصَلِّيَ مِائَةَ رُكْعَةٍ

*“Wahai Abu Dzarr! Sekiranya engkau berpagi-pagi lagi telah mempelajari Kitab Allah maka itu adalah lebih besar pahalanya dari kamu mendirikan solat sunat seratus rakaat”.*

*(Riwayat Ibnu Majah).*

Sebelum mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengutip beberapa pengajaran yang terdapat di dalam khutbah ini:

1. Umat Islam mestilah yakin dan beriman bahawa Al-Quran wajib dijadikan panduan dan pegangan hidup kita. Ia adalah mukjizat yang agung kepada Nabi kita Muhammad SAW.





2. Umat Islam mestilah melazimkan diri mempelajari dan memahami al-Quran seterusnya mengamalkan segala perintah yang terkandung di dalamnya.
3. Umat Islam wajib menyebarkan al-Quran sekurang-kurangnya kepada mereka yang dibawah tanggungjawab masing-masing.
4. Umat Islam diingatkan agar jangan cuai dan alpa dari memastikan anak mereka dididik dengan pendidikan Al-Quran.
- 5- Umat Islam diingatkan agar jangan membelakangi dan meninggalkan al-Quran dalam menjalani kehidupan di dunia ini.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
أَلَمْ يَأْنِ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْ تَخْشَعَ قُلُوبُهُمْ لِذِكْرِ اللَّهِ وَمَا نَزَلَ مِنْ  
الْحَقِّ وَلَا يَكُونُوا كَالَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلُ فَطَالَ عَلَيْهِمُ  
الْأَمَدُ فَقَسَتْ قُلُوبُهُمْ وَكَثِيرٌ مِّنْهُمْ فَاسِقُونَ ﴿١٦﴾

*"Belum sampailah lagi masanya bagi orang-orang yang beriman, untuk khusyuk hati mereka mematuhi peringatan dan pengajaran Allah serta mematuhi kebenaran (Al-Quran) yang diturunkan (kepada mereka)? Dan janganlah pula mereka menjadi seperti orang-orang yang telah diberikan Kitab sebelum mereka, setelah orang-orang itu melalui masa yang lanjut maka hati mereka menjadi keras, dan banyak di antaranya orang-orang yang fasik - derhaka."*

(al-Hadid : 16).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي  
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ  
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

\*\*\*\*\*

Sahari/Nurul  
21.05.2018



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ  
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اَللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ  
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا  
عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ  
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا  
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ  
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ اعِزِّ  
الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ  
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا  
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ  
تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ  
الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ  
سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج،  
ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه  
الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،



وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُولِيَّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَعْكُو  
أَمِيرِ شَاهِ، ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه  
الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا  
ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا، مُصْلِحَيْنِ  
لِلْمُوظَّفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ  
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebijakan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ رِضَاكَ وَالْجَنَّةَ، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ  
سَخَطِكَ وَالنَّارِ. اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوٌّ كَرِيمٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ  
فَاعْفُ عَنَّا وَعَنْ وَالِدِينَا وَعَنْ جَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ  
الرَّاحِمِينَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا  
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ  
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ  
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ  
وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*\*